



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENTADBIRAN KEPADA PERSATUAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR TAHUN 2022

PUTRAJAYA, 30 OGOS 2022: Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meneruskan komitmen dengan Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur Tahun 2022 yang berjumlah RM318,000.

YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan menyampaikan Bantuan Pentadbiran kepada 80 persatuan sukan iaitu 48 persatuan sukan di Kuala Lumpur dan 32 persatuan sukan di Putrajaya dengan setiap persatuan menerima di antara RM3,000 hingga RM8,000.

Menteri Wilayah Persekutuan itu turut merakamkan ucapan tahniah kepada jaguh badminton

“Untuk melahirkan lebih ramai juara dunia, persatuan sukan diminta untuk kekal komited dalam melahirkan sebanyak mungkin bakat yang ada bagi mengharumkan nama negara dan mengetepikan segala isu politik dalaman bagi memberi tumpuan kepada objektif utama pembangunan sukan itu,” katanya dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur Tahun 2022 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Dalam majlis yang sama, Shahidan turut menyampaikan Bantuan Awal Institut Pengajian Tinggi oleh Yayasan Wilayah Persekutuan kepada 19 atlet Wilayah Persekutuan yang sudah mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).

TAMAT